# Helaian Fakta dan Soalan Lazim Media

## *Projek Rintis Sistem Keselamatan Warga Emas*

Projek ini bertujuan menilai penggunaan teknologi pengesanan di dalam kediaman bagi membantu mengenal pasti kemungkinan berlakunya insiden dan menyalurkan amaran kepada penerima yang akan dipersetujui. Matlamatnya adalah untuk menyokong keselamatan serta kesejahteraan warga emas melalui pengesanan dan penyelarasan bantuan yang lebih awal.

## Maklumat utama

- **Lokasi cadangan.** Razak Mansion. Kesesuaian kediaman, bekalan elektrik, liputan rangkaian dan lokasi pemasangan peranti perlu dinilai.

- **Kumpulan sasaran.** Seramai 25 hingga 50 warga emas yang memenuhi kriteria sedang dipertimbangkan. Angka ini merujuk kepada individu, bukan jumlah isi rumah atau peranti yang telah disahkan.

- **Status projek.** Pada peringkat permintaan maklumat atau Request for Information (RFI) dan penilaian teknikal. Pemilihan teknologi serta pelaksanaan masih tertakluk pada penelitian lanjut dan kelulusan yang berkaitan.

- **Tempoh dan pembiayaan.** Projek rintis dijangka bermula pada suku pertama tahun 2027 dan berlangsung selama enam bulan, dengan pembiayaan ditanggung oleh MCMC. Kos serta kaedah pembiayaan dan pembayaran selepas tempoh rintis akan diteliti semula bersama pemegang-pemegang taruh yang terlibat.

- **Pilihan teknologi.** Radar gelombang milimeter, sensor lain, pengimejan haba berasaskan inframerah serta peranti hibrid sedang diteliti.

- **Penyelarasan.** JWP menyelaras program dan model operasi. MCMC menyediakan nasihat teknikal.

- **Penerima amaran.** Pelibatan pihak pengurusan Razak Mansion sebagai penerima utama amaran masih pada peringkat cadangan dan tertakluk pada perbincangan lanjut bersama pemegang-pemegang taruh yang terlibat.

## Skop pelaksanaan dan pembiayaan

**1. Apakah tujuan projek rintis ini?**

Projek ini bertujuan menilai kesesuaian sistem pengesanan dan pemberitahuan amaran dalam keadaan kediaman sebenar. Penilaian meliputi ketepatan pengesanan, kebolehpercayaan sambungan, keberkesanan tindakan susulan, penerimaan pengguna serta perlindungan privasi.

**2. Bilakah projek akan bermula dan berapa lamakah tempohnya?**

Projek rintis dijangka bermula pada suku pertama tahun 2027 dan berlangsung selama enam bulan. Pengumuman inisiatif ini tidak bermakna sistem telah mula beroperasi. Tarikh mula yang tepat akan dimaklumkan setelah disahkan oleh pemegang-pemegang taruh yang terlibat.

**3. Siapakah yang membiayai projek rintis dan bagaimana dengan kos selepas projek rintis berakhir?**

Pembiayaan sepanjang tempoh pelaksanaan projek rintis akan ditanggung oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC). Selepas tempoh projek rintis berakhir, sebarang kos serta kaedah pembiayaan dan pembayaran bagi kesinambungan projek akan diteliti semula bersama pemegang-pemegang taruh yang terlibat.

**4. Bagaimanakah peserta projek rintis dipilih?**

Projek rintis ini dicadangkan melibatkan 25 hingga 50 warga emas yang memenuhi kriteria penyertaan, tertakluk pada kesesuaian kediaman dan persetujuan peserta. Kriteria terperinci serta kaedah penyertaan akan diperincikan bersama pemegang-pemegang taruh yang terlibat.

## Teknologi dan aliran pemberitahuan

**5. Apakah ciri teknologi yang sedang dipertimbangkan?**

Radar gelombang milimeter menggunakan pantulan gelombang radio untuk menilai kedudukan dan pergerakan. Sensor lain boleh mengesan pergerakan, kehadiran atau keadaan pintu, bergantung pada jenisnya. Pengimejan haba mengesan corak haba melalui sinaran inframerah, manakala peranti hibrid menggabungkan beberapa kaedah pengesanan. Keupayaan mengenal pasti kemungkinan penghuni terjatuh bergantung pada peranti, algoritma dan konfigurasi yang diuji.

**6. Bagaimanakah maklumat dihantar daripada peranti kepada penerima amaran?**

Aliran konsep melibatkan lima langkah berikut. Pemprosesan boleh berlaku pada peranti, gerbang komunikasi atau platform, bergantung pada reka bentuk akhir.

- **Pengesanan** — Peranti mengesan perubahan yang mungkin menunjukkan kejadian terjatuh atau ketiadaan pergerakan melebihi tempoh yang ditetapkan.
- **Penghantaran** — Peranti atau gerbang komunikasi menghantar data kejadian melalui sambungan rangkaian yang tersedia.
- **Pemprosesan** — Sistem menilai data berdasarkan peraturan pengesanan yang dikonfigurasi dan menjana amaran apabila syarat dipenuhi.
- **Pemberitahuan** — Amaran disalurkan melalui aplikasi atau paparan pemantauan kepada penerima yang akan dipersetujui. Maklumat boleh merangkumi unit kediaman, masa dan jenis amaran.
- **Tindakan susulan** — Penerima amaran yang akan dipersetujui menghubungi penghuni dan membantu menyelaras bantuan mengikut keperluan.

**7. Apakah yang dimaksudkan dengan saling boleh kendali?**

Saling boleh kendali ialah keupayaan peranti dan sistem yang berbeza untuk bertukar maklumat serta berfungsi bersama. Bagi projek ini, keserasian antara peranti, gerbang komunikasi, platform dan aplikasi penerima perlu diuji dari hujung ke hujung. Keserasian semua jenama, kaedah pertukaran data dan sambungan kepada sistem pihak lain belum disahkan.

**8. Adakah setiap rumah memerlukan gentian optik atau hanya satu peranti?**

Sambungan tetap atau mudah alih akan ditentukan mengikut liputan dan keupayaan penyelesaian. Gentian optik bukan satu-satunya pilihan. Bilangan peranti bergantung pada susun atur, halangan dan kawasan pemantauan; satu peranti tidak semestinya meliputi seluruh kediaman.

## Penerimaan amaran dan manfaat kepada pengguna

**9. Siapakah yang dicadangkan sebagai penerima amaran?**

Penglibatan pihak pengurusan Razak Mansion sebagai penerima utama amaran masih pada peringkat cadangan dan tertakluk pada perbincangan lanjut bersama pemegang-pemegang taruh yang terlibat. Pelibatan pasukan komuniti, ahli keluarga atau penjaga sebagai penerima amaran tambahan juga belum dimuktamadkan.

**10. Apakah batasan sistem dan bagaimana bantuan diselaraskan?**

Keberkesanan sistem bergantung pada sambungan rangkaian, bekalan elektrik dan keupayaan pengesanan peranti. Gangguan sambungan boleh menjejaskan penghantaran amaran, manakala amaran palsu atau kejadian yang tidak dapat dikesan juga boleh berlaku. Amaran membantu penerima yang akan dipersetujui menyelaras bantuan mengikut keperluan. Sambungan automatik kepada perkhidmatan kecemasan belum ditetapkan. Sistem ini menyokong penjagaan warga emas dan tidak menggantikan penjagaan manusia atau perkhidmatan kecemasan.

**11. Apakah manfaat yang dijangka kepada warga emas dan keluarga?**

Sistem ini berpotensi mempercepat kesedaran tentang kemungkinan insiden, membantu penyelarasan pemeriksaan dan mengurangkan risiko kejadian tidak disedari untuk tempoh yang lama. Pendekatan ini juga diharapkan dapat menyokong kehidupan yang lebih berdikari serta memberi keyakinan kepada keluarga. Manfaat sebenar akan dinilai melalui projek rintis dan belum boleh dianggap sebagai hasil yang telah dicapai.

## Privasi keselamatan data dan penilaian hasil

**12. Adakah penghuni akan dirakam atau diperhatikan sepanjang masa?**

Pemilihan teknologi mengambil kira perlindungan privasi dan usaha mengurangkan kebergantungan pada rakaman imej serta pemantauan visual berterusan. Sesetengah teknologi, termasuk pengimejan haba, boleh menghasilkan data berbentuk imej. Jenis pemantauan akan bergantung pada penyelesaian yang dipilih.

**13. Bagaimanakah privasi dan keselamatan data peserta diberi perhatian?**

Perlindungan privasi dan keselamatan data akan diambil kira dalam pemilihan serta pelaksanaan penyelesaian. Pengumpulan dan penggunaan data akan dihadkan kepada keperluan projek, manakala akses akan dihadkan kepada individu yang diberi kuasa. Keperluan perlindungan data akan diperincikan bersama pemegang-pemegang taruh yang terlibat sebelum pelaksanaan.

**14. Bagaimanakah peserta akan dimaklumkan mengenai projek ini**

Peserta akan dimaklumkan mengenai tujuan projek, cara teknologi berfungsi, jenis pemantauan dan data yang terlibat, penerima amaran serta batasan sistem. Penyertaan adalah tertakluk pada persetujuan peserta.

**15. Bagaimanakah kejayaan diukur dan adakah projek akan diperluas?**

Kejayaan projek rintis akan dinilai berdasarkan keberkesanan pengesanan dan penghantaran amaran, kebolehpercayaan sistem, penerimaan peserta serta kos operasi. Sebarang peluasan akan dipertimbangkan berdasarkan hasil penilaian, kemampuan operasi, kelestarian pembiayaan dan kelulusan yang berkaitan.